



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Perbadanan Kemajuan
Filem Nasional Malaysia

GARIS PANDUAN DANA KANDUNGAN KREATIF (“DKK”)

Disediakan oleh: FINAS
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

Disemak dan diluluskan oleh:
Bahagian Pembangunan Kandungan (BPK), Kementerian Komunikasi (KK)

Tarikh kemaskini: Mei 2024

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
JALAN UTARA, 46547 PETALING JAYA, SELANGOR
No. Tel: 03-7968 2133 NO. FAKS: 03-7968 2138

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENGENALAN	3
2.	OBJEKTIF DKK	3
3.	KATEGORI, OUTPUT DAN SILING PEMBIAYAAN DANA	3 - 4
4.	KRITERIA KELAYAKAN	5 - 6
5.	PROSES PERMOHONAN <ul style="list-style-type: none"> ● CARTA ALIR 1: PERMOHONAN MELALUI SISTEM PENGURUSAN & PEMANTAUAN INDUSTRI KREATIF (SPPIK) ● CARTA ALIR 2: PERMOHONAN MELALUI BORANG PERMOHONAN (DANA MIKRO) ● CARTA ALIR 3: PERMOHONAN MELALUI BORANG PERMOHONAN (DANA PEMASARAN) 	7 - 10
6.	SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN PROJEK PENERIMA DANA	10
7.	PEMANTAUAN PROJEK PENERIMA DANA OLEH FINAS	11
8.	PEMBAYARAN DANA DKK	11
9.	SURAT PENUTUPAN PROJEK	11
10.	PEMBATALAN DANA DAN AKIBAT-AKIBAT PEMBATALAN DANA	11
11.	PELBAGAI	11 - 12
12.	APENDIK A: CIRI-CIRI KOS	13 - 15
13.	APENDIK B: SURAT AKUAN	16 - 21

1. PENGENALAN

Malaysia telah meneroka dan menyusun strategi bagi meningkatkan daya saing industri kreatif sebagai pemangkin utama ekonomi negara. Industri kreatif berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi di samping memartabatkan budaya bangsa.

Selaras dengan penstrukturran semula Kementerian Komunikasi pada 12 Disember 2023, DKD telah dijenamakan semula kepada Dana Kandungan Kreatif sejajar dengan Teras 5 Kementerian iaitu “Memangkin Pembangunan Kandungan Kreatif Negara yang Progresif” dan pelaksanaan DKK lebih bertumpu sebagai medium komunikasi Kerajaan dalam memupuk semangat “Malayseana”.

Dana Kandungan Kreatif (“**DKK**”) yang dahulu dikenali dengan Dana Industri Kandungan Digital (DIKD) telah diperkenalkan pada April 2015 sebagai kesinambungan kepada Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN).

Oleh itu, Garis Panduan DKK ini diwujudkan sebagai panduan dan rujukan kepada pemohon berkenaan cara permohonan, syarat dan kriteria setiap dana serta langkah yang perlu dilaksanakan bagi setiap permohonan. Garis Panduan ini sama sekali tidak membentuk sebarang nasihat undang-undang dan FINAS berhak atas budi bicara mutlaknya untuk mengubah atau meminda Garis Panduan ini pada bila-bila masa.

2. OBJEKTIF DKK

DKK adalah bertujuan:

- (a) Menggalakkan penggiat industri dalam penghasilan, penerbitan dan penyebaran kandungan kreatif yang berdaya cipta tinggi dan di pasaran tempatan dan antarabangsa;
- (b) Membangunkan modal insan yang bermutu secara lestari bagi mengoptimumkan potensi industri kandungan kreatif; dan
- (c) Menghasilkan harta intelek (IP) Malaysia yang berdaya saing.

3. KATEGORI, OUTPUT DAN SILING PENYALURAN DANA

Di bawah DKK, terdapat beberapa jenis dana yang diperkenalkan. Tawaran Dana adalah tertakluk kepada iklan di **LAMPIRAN 3A**.

Jumlah pembiayaan adalah terhad kepada kos-kos yang terlibat secara langsung dengan Projeksahaja. Maklumat lanjut berkenaan kos adalah seperti di **APENDIK A**.

4. KRITERIA KELAYAKAN

KRITERIA KELAYAKAN	
Permohonan oleh <u>Individu</u>: <ul style="list-style-type: none"> i. Pemohon adalah Penerbit projek; ii. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun keatas; dan, iii. tidak bankrap dan bukan dalam prosiding kebankrapan /tindakan perundangan yang lain. 	Permohonan oleh <u>Syarikat</u>: <ul style="list-style-type: none"> i. Syarikat yang ditubuhkan di Malaysia; ii. Syarikat berdaftar dengan FINAS mempunyai lesen aktif (Pengeluaran atau Pengedaran); iii. Lebih daripada Lima Puluh Peratus (50%) pemilikan sah/benefisial terletak hak pada warganegara Malaysia; iv. Mempunyai sekurang-kurangnya RM50,000 modal syer diterbitkan dan berbayar; v. Tidak dalam perintah penggulungan dan bukan dalam apa-apa tindakan perundangan yang lain; dan vi. Pemohon dana bukan dalam tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga.
<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat yang berdaftar di Malaysia; • Syarikat berdaftar di bawah FINAS dengan lesen aktif (Pengeluaran atau Pengedaran); • Tidak mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan ahli perbadanan, jawatankuasa atau ahli yang mempunyai hubungan dengan FINAS; • Tidak sedang menerima sebarang bantuan daripada FINAS / mana-mana agensi kerajaan lain; • Telah menghadiri program bengkel anjuran FINAS; • Lebih daripada Lima Puluh Peratus (50%) pemilikan sah dan benefisial terletak hak pada warganegara Malaysia; • Mempunyai sekurang-kurangnya RM50,000 modal syer diterbitkan dan berbayar; • Bukan dalam perintah penggulungan dan bukan dalam apa-apa tindakan perundangan yang lain; • Bukan dalam tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga; dan • Baki penyata kewangan hendaklah sekurang-kurangnya 5% dari jumlah kos produksi. 	

5. PROSES PERMOHONAN

5.1 **Penawaran** Dana DKK akan dimaklumkan melalui pengiklanan di laman sesawang dan media sosial rasmi FINAS dari semasa ke semasa dan boleh dimohon melalui cara berikut:

5.1.1 Permohonan Secara Dalam Talian Melalui SPPIK

- a) Permohonan bagi Dana Filem Cureka, Dana Program TV/OTT dan Dana Mikro;
- b) Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui laman sesawang Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif (SPPIK) di alamat <http://sppik.finás.my/>. (**Kecuali Dana Mikro & Dana Pemasaran**);
- c) Permohonan hendaklah dilengkapkan menggunakan Bahasa Malaysia;
- d) Permohonan yang lengkap dan terperinci serta dokumen sokongan berkaitan perlu dimuat naik melalui SPPIK; dan
- e) Status permohonan akan dimaklumkan melalui notifikasi di SPPIK dan sebarang keputusan adalah muktamad.

5.1.2 Permohonan Secara Borang Manual

- a) Permohonan bagi Dana Pemasaran;
- b) Permohonan dilaksanakan dengan melengkapkan borang permohonan manual dan dikemukakan kepada FINAS melalui emel kepada infodkd@finas.my;
- c) Permohonan hendaklah dilengkapkan menggunakan Bahasa Malaysia;
- d) Permohonan yang lengkap dan terperinci serta dokumen sokongan berkaitan perlu dihantar melalui emel FINAS; dan
- e) Status permohonan akan dimaklumkan melalui emel notifikasi dan sebarang keputusan adalah muktamad.

5.2 Hanya permohonan lengkap dan mematuhi semua kriteria kelayakan akan diproses. Senarai semak permohonan boleh dirujuk melalui **APENDIK B**.

- 5.3 Dana Pemasaran (Pemasaran & Pengedaran) hanya boleh dimohon apabila tarikh wajib tayang telah diperolehi dan permohonan perlu dibuat selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum tarikh tayangan yang telah ditetapkan melalui Skim Wajib Tayang.
- 5.4 Pemohon akan menerima notifikasi berkenaan keputusan permohonan dana oleh FINAS.
- 5.5 FINAS akan mengeluarkan dokumen perjanjian kepada pemohon yang diluluskan permohonannya.
- 5.6 Dokumen Perjanjian yang telah ditandatangani perlu dikembalikan semula kepada FINAS dalam tempoh 14 hari bekerja. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pemohon dianggap sebagai menolak dana yang ditawarkan dan tawaran tersebut akan terbatal secara automatik.
- 5.7 Untuk rujukan, carta alir ringkasan proses permohonan mengikut jenis dana adalah seperti di bawah: -

Carta Alir 1: Permohonan Melalui Sistem Pengurusan & Pemantauan Industri Kreatif (SPPIK)

CARTA ALIR PROSES DANA KANDUNGAN DIGITAL (DKD) MELALUI SPPIK



*Terpakai bagi semua jenis KECUALI Dana Pemasaran & Dana Mikro.

Carta Alir 2: Permohonan Melalui Borang Permohonan (Dana Mikro)

CARTA ALIR PROSES DANA KANDUNGAN DIGITAL (DKD) MELALUI BORANG PERMOHONAN



*Terpakai bagi Dana Mikro SAHAJA.

Carta Alir 3: Permohonan Melalui Borang Permohonan (Dana Pemasaran)

CARTA ALIR PROSES DANA KANDUNGAN DIGITAL (DKD) MELALUI BORANG PERMOHONAN



*Terpakai bagi Dana Pemasaran SAHAJA.

5.8 Fungsi Jawatankuasa-Jawatankuasa yang terlibat dalam mekanisme pelaksanaan DKK adalah seperti berikut:

Jawatankuasa	Fungsi
Jawatankuasa Penilaian Kandungan & Teknikal (<i>Pitching</i>)	<ul style="list-style-type: none"> i. Menilai dari sudut kandungan dan teknikal, kebolehpasaran, kualiti, kekuatan kewangan, pengalaman syarikat, kesediaan syarikat dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan penerbitan produksi; dan ii. Mengesyorkan kepada Jawatankuasa Pelulus projek yang berpotensi untuk diberikan dana.
Jawatankuasa Pelulus	<ul style="list-style-type: none"> i. Meneliti penilaian dan cadangan daripada Jawatankuasa Penilaian Kandungan & Teknikal DKK; ii. Membuat keputusan bagi setiap permohonan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Kandungan & Teknikal DKK; iii. Memberi kelulusan jumlah dana mengikut jenis dana dan projek; iv. Meneliti pelaksanaan dana dari semasa ke semasa dan mencadangkan pelaksanaan yang berkesan; dan v. Menyemak, meneliti dan memutuskan rayuan yang dipohon oleh Pemohon Dana untuk dana tambahan.

Jawatankuasa Penilaian Perbatuan (Milestone)	<ul style="list-style-type: none"> i. Menilai prestasi kemajuan sebenar dan jangkaan yang telah ditetapkan; ii. Mengesyorkan kewajaran amaun berdasarkan prestasi sebenar; iii. Mengesyorkan intervensi isu-isu pelaksanaan projek; iv. Memberi pertimbangan ke atas aduan-aduan yang diterima.
--	---

6. SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN PROJEK PENERIMA DANA

- 6.1 Penerima dana hendaklah menyempurnakan Projek mengikut tempoh perbatuan seperti yang ditetapkan melalui Dokumen Perjanjian.
- 6.2 Output Akhir Projek penerima dana tidak boleh mengandungi sebarang kandungan terlarang dan/atau bersifat kontroversi/provokasi.
- 6.3 Penerima dana boleh, dengan persetujuan bertulis daripada FINAS, memperoleh dan mendapatkan pinjaman atau bantuan kewangan daripada pihak ketiga untuk menyiapkan Projek, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh FINAS.
- 6.4 Penerima dana digalakkan menggunakan fasiliti-fasiliti FINAS yang ditawarkan bagi melaksanakan dan/atau menyiapkan Projek penerima dana, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh FINAS.

7. PEMANTAUAN PROJEK PENERIMA DANA OLEH FINAS

Penerima Dana hendaklah mematuhi keputusan Jawatankuasa Penilaian Perbatuan (*Milestone*).

8. PENYALURAN DANA DKK

Penyaluran Dana secara berperingkat mengikut kelulusan Jawatankuasa Penilaian Perbatuan (*Milestone*) seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian.

9. SURAT PENUTUPAN PROJEK

Surat Penutupan Projek akan dikeluarkan hanya setelah Penerima Dana memenuhi semua obligasi di dalam Perjanjian.

10. PEMBATALAN DANA DAN AKIBAT-AKIBAT PEMBATALAN DANA

10.1 Pembatalan Dana

Pihak FINAS berhak membatalkan Dana dengan memberikan notis kepada Penerima Dana sekiranya penerima dana gagal mematuhi obligasinya menurut perjanjian .

10.2 Akibat Pembatalan Dana

- (a) Sekiranya dana dibatalkan oleh FINAS, Dokumen Perjanjian akan ditamatkan dan terma-terma berkenaan dengan akibat penamatkan Dokumen Perjanjian seperti yang ditetapkan bawah Dokumen Perjanjian akan terpakai; dan
- (b) Mana-mana obligasi FINAS berkenaan dengan dana di bawah DKK tersebut (termasuk untuk membuat penyaluran dana atau mana-mana bahagian darinya) akan tamat serta merta.

11. PELBAGAI

11.1 Notifikasi FINAS

Sebarang notifikasi oleh FINAS kepada pemohon dana adalah melalui:

- (i) Sistem SPPIK; dan/atau
- (ii) notifikasi surat atau emel.

11.2 Kerahsiaan

Walau apa pun yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, FINAS boleh mendedahkan butir-butir pemohon dana untuk tujuan pemprosesan dan penilaian permohonan.

11.3 Pertanyaan / Maklumat Lanjut

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan dana di bawah DKK, sila hubungi FINAS melalui e-mel di infodkd@finas.my.

BIL.	JENIS DANA	KATEGORI DANA	OUTPUT DAN SILING PEMBIAYAAN
1.	Dana Mikro	i. PSA. ii. Pelajar Perfileman. iii. Kandungan Digital. iv. Pembangunan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Penerbitan berdurasi maksimum 15 minit. ● Pembiayaan maksimum: RM50,000/projek
2.	Dana Filem Cereka	(i) Filem Cereka Pendek.	<ul style="list-style-type: none"> ● Penerbitan berdurasi maksimum 45 minit diluluskan Lembaga Penapisan Filem (LPF) / stesen penyiar. ● Pembiayaan maksimum: RM1 juta/projek
		(ii) Filem Cereka Panjang.	<ul style="list-style-type: none"> ● Penerbitan berdurasi minimum 45 minit - 180 minit diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) / stesen penyiar. ● Pembiayaan maksimum: RM5 juta/projek
		(iii) Produksi Kerjasama Antarabangsa (<i>Co-Pro</i>).	<ul style="list-style-type: none"> ● Penerbitan berdurasi maksimum 110 minit diluluskan Lembaga Penapisan Filem (LPF) /stesen penyiar.
3.	Dana Pemasaran	(i) Dana Pemasaran & Pengedaran Tempatan (M&D).	<ul style="list-style-type: none"> ● Laporan Pengiklanan & Promosi. ● Maksimum RM300,000/projek
		(ii) Dana Penyertaan & Promosi Antarabangsa).	<ul style="list-style-type: none"> ● Laporan Penyertaan & Promosi. ● Bil Maksimum perserta:5 orang. ● Bil Maksimum tempoh ditanggung: 14 hari ● Maksimum RM300,000/projek

4.	Dana Program TV/OTT	i. Supertele/Telefilem One-Off. ii. Dokumentari One-Off. iii. Episod Bersiri (13atau 26 episod). iv. Dokumentari Bersiri (13 episod)	<ul style="list-style-type: none"> ● Output akhir berdurasi maksimum 60 minit (<i>Digital Cinema Package</i> - DCP atau <i>pendrive/external hard disk</i> dalam <i>full HD</i>) yang diluluskan Lembaga Penapis Filem (LPF) /stesen penyiar / media digital ● Maksimum:RM500,000/projek
-----------	----------------------------	---	---

LAMPIRAN 3A

APENDIK A
CIRI-CIRI KOS

1. Dana Mikro

DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN
Aktiviti Dalam penghantaran item-item dan jumlah kos kepada Jawatankuasa Pelulus, pemohon dana perlulah memberikan butiran terperinci aktiviti-aktiviti berkaitan termasuk kos yang berkaitan dengan pembangunan Projek.	Kos operasi syarikat, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> ● Sewa ruang pejabat; ● Utiliti; ● Alat tulis dan/atau bahan guna habis di pejabat; ● Kos melibatkan kenderaan pejabat;
Gaji Peranan pekerja perlulah spesifik dan bidang kerja yang dilakukan perlulah berkaitan dengan projek bagi pemohonan dana.	<ul style="list-style-type: none"> ● Gaji, elaun, tuntutan perjalanan dan lain-lain oleh tenaga kerja yang bersifat pengkeranian/pentadbiran dalam syarikat. ● Gaji, elaun, tuntutan perjalanan dan lain-lain oleh ahli lembaga pengarah, penasihat dan rakan syarikat.
Kos Khidmat Luar (Outsourcing) Lantikan pihak ketiga untuk menjalankan mana-mana kerja di bawah Projek (“outsourcing”)	Kos lantikan pihak ketiga yang tidak berkaitan secara langsung dengan penerbitan projek permohonan dana.

<p>Kos Perkhidmatan & Kemudahan Bersama</p> <p>(i) Sistem Rendering; (ii) Bilik suntingan; (i) Studio bunyi; (ii) <i>Motion capture</i>; dan (iii) Sewaan kamera dan peralatan pengambaran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pembelian peralatan pengambaran seperti: - <ul style="list-style-type: none"> (i) Kamera; (ii) Telefon bimbit; dan (iii) Lain-lain. ● Pembelian aset dan harta benda yang tidak berkaitan dengan projek.
<p>Kos-kos lain kos-kos yang terlibat secara langsung dengan penggambaran Projek sahaja.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kos yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek permohonan dana, seperti: <ul style="list-style-type: none"> i. Yuran penyertaan pertandingan/festival filem/lain-lain; ii. Fi pengiktirafan/pentaulahan daripada entiti pengiktirafan dalam/luar negara; iii. Kos pengeluaran <i>Digital Cinema Package</i> (DCP);

	<p>iv. Kos pendaftaran/pembaharuan lesen-lesen FINAS dan Sijil Perakuan Penggambaran (SPP)</p> <p>v. Fi persijilan dibawah Lembaga Penapisan Filem (LPF);</p> <p>vi. Yuran keahlian mana-mana entiti swasta/awam; dan</p> <p>vii. Yuran guaman selain dari tujuan penyediaan kontrak lantikan tenaga produksi dan tidak berkaitan secara langsung dengan projek permohonan dana.</p>
--	--

2. Dana Filem Cerea / Dana Pemasaran / Dana Dokumentari

DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN
Peringkat Aktiviti: <p>(a) Pra-produksi — skrip penuh, pembangunan watak, papan cerita, reka bentuk permainan, reka bentuk interaktif;</p> <p>(b) Produksi — Animasi, Kesan Khas, Penggambaran filem, pembangunan tahap permainan, pembangunan kandungan, pembangunan interaktif, simulator;</p> <p>(c) Pasca-Produksi — Suntingan, skor muzik, audio, kesan bunyi, suara latar, pemindahan filem, komposisi; dan/atau</p> <p>(d) Lain-lain aktiviti yang dianggap “produksi” berdasarkan amalan industri yang diterimapakai.</p>	Kos operasi syarikat, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> ● Sewa ruang pejabat; ● Utiliti; ● Alat tulis dan/atau bahan guna habis di pejabat; dan ● Kos melibatkan kenderaan pejabat;
Gaji Peranan pekerja perlulah spesifik berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan diatas.	<ul style="list-style-type: none"> ● Gaji, elaun, tuntutan perjalanan dan lain-lain oleh tenaga kerja yang bersifat pengkeranian/pentadbiran dalam syarikat. ● Gaji, elaun, tuntutan perjalanan dan lain-lain oleh ahli lembaga pengarah, penasihat dan rakan syarikat.

Kos Khidmat Luar (Outsourcing) lantikan pihak ketiga untuk menjalankan mana-mana kerja di bawah Projek (“outsourcing”).	Kos lantikan pihak ketiga yang tidak berkaitan secara langsung dengan penerbitan projek permohonan dana.
Kos Perkhidmatan & Kemudahan Bersama (i) Sistem <i>Rendering</i> ; (ii) Bilik suntingan; (iii) Studio bunyi; (iv) <i>Motion capture</i> ; dan (v) Sewaan kamera dan peralatan perfileman.	<ul style="list-style-type: none"> ● Pembelian peralatan pengambaran seperti: - <ul style="list-style-type: none"> i. Kamera; ii. Telefon bimbit; dan iii. Lain-lain. ● Pembelian aset dan harta benda yang tidak berkaitan dengan projek.
Kos-kos lain kos-kos yang terlibat berkenaan dengan penggambaran Projek sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> ● Kos yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek permohonan dana, seperti: <ul style="list-style-type: none"> i. Yuran penyertaan pertandingan/festival filem/lain-lain; ii. Fi pengiktirafan/pentaulahan daripada entiti pengiktirafan dalam/luar negara; iii. Kos pengeluaran <i>Digital Cinema Package</i> (DCP); iv. Kos pendaftaran/pembaharuan lesen-lesen FINAS dan Sijil Perakuan Penggambaran (SPP) v. Fi persijilan dibawah Lembaga Penapisan Filem (LPF); vi. Yuran keahlian mana-mana entiti swasta/awam; dan vii. Yuran guaman selain dari tujuan penyediaan kontrak lantikan tenaga produksi dan tidak berkaitan secara langsung dengan projek permohonan dana.

APENDIKS B
SURAT AKUAN

1. Saya(NO. K/P:.....) adalah seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di dengan sesungguhnya dan ikhlas hati mengaku seperti berikut:-
 - I. Saya tidak pernah diistiharkan muflis atau bankrupt atau membuat sebarang perjanjian dengan atau penyerahan hak untuk faedah pemutang;
 - II. Saya tidak pernah disampaikan petisyen kebankrapan atau tiada sebarang perintah penerimaan yang dibuat terhadap saya;
 - III. Tiada sebarang penghakiman yang pernah dimasukkan terhadap saya dalam mana-mana mahkamah;
 - IV. Tiada sebarang tindakan undang-undang difailkan terhadap saya; dan
 - V. Saya bukan bankrap yang belum dilepaskan dan tidak ada petisyen untuk kebankrapan difailkan terhadap saya;
2. Saya membuat pengisyiharan ini dengan penuh pengetahuan dan kesedaran tentang pergantungan anda kepada perkara ini sebagai dorongan atau asas untuk meneruskan Perjanjian atau dokumentasi lain untuk pemberian Dana kepada saya/ syarikat saya.
3. Saya sedar sepenuhnya sebelum mengesahkan Akuan Berkanun ini bahawa adalah satu kesalahan jenayah untuk mendorong anda untuk meneruskan Perjanjian Dana atas dasar akuan palsu.
4. Saya juga sedar bahawa sekiranya akuan saya adalah tidak benar, saya boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tujuh (7) tahun atau denda atau kedua-duanya di bawah Akta Akuan Berkanun 1960.
5. Saya/Kami berjanji untuk memaklumkan FINAS dalam masa tujuh (7) hari selepas saya mengetahui tentang petisyen kebankrapan atau jika sebarang tindakan undang-undang difailkan terhadap saya selepas penandatanganan surat akuan ini

Dan saya membuat akuan ini dengan ikhlas mempercayai perkara yang sama adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dengan sebenar-benarnya }
oleh yang tersebut di atas iaitu }
} }
di }
pada } Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

APENDIK C: SENARAI SEMAK PERMOHONAN

1. Dana Mikro

BIL	DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN	<input checked="" type="checkbox"/>
1.	Borang Permohonan yang lengkap.	
2.	Salinan Kad Pengenalan diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah.	
3.	Akuan Sumpah bahawa Pemohon Dana tidak bankrap/insolvent dan bukan dalam prosiding kebankrapan/ tindakan perundangan yang lain. Rujuk APENDIK B .	

2. Dana Filem Cereka

BIL	DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN	<input checked="" type="checkbox"/>
1.	Permohonan yang lengkap.	
2.	Salinan diakui sah Maklumat Korporat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) . (Layari https://www.ssm-einfo.my/)	
3.	Profil syarikat (dan profil kakitangan jika berkenaan) yang memperincikan rekod prestasi syarikat dalam pembangunan karya kreatif sama ada sebagai penyedia perkhidmatan sumber luar atau dalam penciptaan karya asli.	
4.	Resolusi Lembaga Pengarah pemohon dana dalam bentuk yang ditetapkan oleh FINAS, yang meluluskan dan membenarkan, antaralain, pemeteraian Dokumen Perjanjian.	
5.	Akuan Sumpah bahawa Pemohon Dana tidak bankrap/insolvent dan bukan dalam prosiding kebankrapan/ tindakan perundangan yang lain. APENDIK B .	
6.	Salinan yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah Lesen FINAS (Pengeluaran/Pengedaran) yang masih aktif.	
7.	Showreel Projek terdahulu (dalam simpanan DVD / thumb drive - format MP4).	

8.	Kertas Cadangan Projek: (a) 'Logline' & Sinopsis Lengkap; (b) Butiran Watak & Perwatakan; (c) Senarai Cadangan Pelakon; (d) Olahan /'Treatment' penuh (5-10 muka surat); (e) Jadual Penggambaran & Tarikh Jangka Siap; (f) Pecahan Lengkap Butiran Kos Projek; (g) CV Pekerja Produksi Utama; (h) 'Sizzler' Projek (look & feel video); dan (i) Skrip Penuh (jika ada).	
9.	Surat persetujuan penerbitan bersama antara penerbit Malaysia dan luar negara (jika berkaitan).	
10.	Surat pengesahan daripada pelabur luar negara (jika berkaitan)	
11.	Surat pengesahan daripada pelabur/penajaan dalam negara (jika berkaitan)	

2. Dana Pemasaran (Pemasaran & Pengedaran)

BIL	DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN	✓
1.	Permohonan Dana Pemasaran (Pemasaran & Pengedaran) yang lengkap.	
2.	Salinan yang diakui sah Maklumat Korporat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) . (Layari https://www.ssm-einfo.my/).	
3.	Profil syarikat (dan profil kakitangan jika berkenaan) yang memperincikan rekod prestasi syarikat dalam pembangunan karya kreatif sama ada sebagai penyedia perkhidmatan sumber luar atau dalam penciptaan karya asli.	
4.	Resolusi Lembaga Pengarah pemohon dana dalam bentuk yang ditetapkan oleh FINAS bagi permohonan Dana Pemasaran (Pemasaran dan Pengedaran), yang meluluskan dan membenarkan, antara lain, pemeteraian Dokumen Perjanjian serta perlantikan syarikat pengedaran lain bagi permohonan mewakili pemohon dana.	
5.	Akuan Sumpah bahawa Pemohon Dana tidak bankrap/ <i>insolvent</i> dan bukan dalam prosiding kebankrapan/ tindakan perundungan yang lain. Rujuk APENDIK B .	
6.	Salinan yang diakui sah oleh Peguambela dan Peguamcara atau mana-mana pegawai Kerajaan yang memiliki gred 40 ke atas Lesen Pendaftaran FINAS (Pengeluaran atau Pengedaran) yang masih aktif.	

7.	Salinan yang diakui sah oleh Peguambela dan Peguamcara atau mana-mana pegawai Kerajaan yang memiliki gred 40 ke atas Surat Skim Wajib Tayang FINAS .	
8.	<p>Kertas Cadangan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pelan Penuh Pemasaran; (b) Jangkaan Unjurran Pendapatan/Kutipan; (c) Butiran Kos Pemasaran; (d) Butiran Kos Pengedaran; (e) Rancangan Pemasaran Selepas Tayangan; dan (f) Perjanjian pemasaran/pengedaran dengan pihak ketiga (jika berkaitan). 	

3. Dana Pemasaran (Penyertaan & Promosi)

BIL	DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN	✓
1.	Permohonan Dana Pemasaran (Penyertaan & Promosi) yang lengkap.	
2.	<p>Sekiranya pemohon dana adalah:</p> <p>(a) Syarikat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Salinan yang diakui sah Maklumat Korporat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi pemohon dana. (Layari https://www.ssm-einfo.my/); (ii) Akuan Sumpah bahawa Pemohon Dana tidak bankrap/<i>insolvent</i> dan bukan dalam prosiding kebankrapan/tindakan perundungan yang lain. Rujuk APENDIK B; (iii) Salinan yang diakui sah oleh Peguambela dan Peguamcara atau mana-mana pegawai Kerajaan yang memiliki gred 40 ke atas Lesen Pendaftaran FINAS (Pengeluaran atau Pengedaran) yang masih aktif (jika berkaitan); (iv) Profil syarikat (dan profil kakitangan jika berkenaan) yang memperincikan rekod prestasi syarikat dalam pembangunan karya kreatif sama ada sebagai penyedia perkhidmatan sumber luar atau dalam penciptaan karya asli (jika berkaitan); dan (v) Resolusi Lembaga Pengarah pemohon dana dalam bentuk yang ditetapkan oleh FINAS bagi permohonan Dana Pemasaran (Penyertaan & Promosi), yang meluluskan dan membenarkan, antara lain, pemeteraian Dokumen Perjanjian. 	

	<p>(b) <u>Individu</u>:</p> <p>(i) Salinan Kad Pengenalan yang diakui sah oleh Peguambela dan Peguamcara atau mana-mana pegawai Kerajaan yang memiliki gred 40 ke atas.</p>	
3.	Salinan yang diakui sah oleh Peguambela dan Peguamcara atau mana-mana pegawai Kerajaan yang memiliki gred 40 ke atas Surat Skim Wajib Tayang FINAS .	
4.	Surat / Bukti Jemputan penyertaan ke Festival / Pertandingan / Forum.	

4. Dana Dokumentari

BIL	DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN	✓
1.	Permohonan Dana Dokumentari yang lengkap.	
2.	Salinan yang diakui sah Maklumat Korporat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) . (Layari https://www.ssm-einfo.my/).	
3.	Profil syarikat (dan profil kakitangan jika berkenaan) yang memperincikan rekod prestasi syarikat dalam pembangunan karya kreatif sama ada sebagai penyedia perkhidmatan sumber luar atau dalam penciptaan karya asli.	
4.	Resolusi Lembaga Pengarah pemohon dana dalam bentuk yang ditetapkan oleh FINAS bagi permohonan Dana Dokumentari, yang meluluskan dan membenarkan, antara lain, pemeteraian Dokumen.	
5.	Akuan Sumpah bahawa Pemohon Dana tidak bankrap/insolvent dan bukan dalam prosiding kebankrapan/ tindakan perundungan yang lain. Rujuk APENDIK B .	
6.	Salinan yang diakui sah oleh Peguambela dan Peguamcara atau mana-mana pegawai Kerajaan yang memiliki gred 40 ke atas Lesen FINAS (Pengeluaran/Pengedaran) yang masih aktif.	
7.	Showreel Projek terdahulu (dalam simpanan DVD/ thumb drive -format MP4).	

8.	<p>Kertas Cadangan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) 'Outline' / 'Logline' Projek; (b) 'Treatment' Lengkap; (c) Butiran Watak & Perwatakan; (d) Jadual Produksi & Tarikh Jangka Siap; (e) Pecahan Lengkap Butiran Kos Projek; (f) CV Pekerja Produksi Utama; dan (g) 'Sizzler' Projek (video <i>look & feel</i>). 	
9.	Bukti akses kepada watak-watak utama. Tertakluk kepada penerbitan dokumentari <i>one-off</i> / bersiri (telah menandatangani borang kebenaran penggambaran dan yang mana-mana berkaitan).	
10.	Surat Niat/ Tawaran daripada penyiar tempatan atau antarabangsa.	
11.	Surat persetujuan penerbitan bersama antara penerbit Malaysia dan luar Negara (jika berkaitan).	
12.	Surat pengesahan daripada pelabur luar negara (jika berkaitan).	